

Bapa Normala meninggal dunia

KOTA TINGGI 23 Ogos - Bapa kepada bekas selebriti televisyen, Datin Seri Normala Samsudin yang juga isteri kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru pagi ini.

Samsudin Mohd. Zin, 63, meninggal dunia pada pukul 8.40 pagi ini di Unit Rawatan Khas (HDU), HSA, selepas dirawat selama enam hari kerana masalah buah pinggang, kencing manis dan angin ahmar.

Jenazahnya dibawa keluar dari bilik mayat HSA kira-kira pukul 10.30 pagi dan dibawa ke rumahnya di Felda Bukit Aping Timur di sini sebelum dikebumi di tanah perkuburan Felda itu, kira-kira pukul 2 petang ini.

Allahyarham adalah anak tunggal dalam keluarganya dan meninggalkan seorang balu, Asma Seth, 54, serta lapan anak dan

17 cucu.

Empat daripada anak-anaknya termasuk Normala, bekas pengacara rancangan Nona di TV3, adalah dari bekas isteri pertama Allahyarham.

Menurut Azmi, bapa mertuanya telah dimasukkan ke Hospital Kota Tinggi selama lapan hari selepas menghidap penyakit kencing manis lemah jantung, buah pinggang tidak berfungsi serta gout.

Beliau berkata, selepas itu, Allahyarham dipindahkan ke HSA Johor Bahru berikutan keadaan paru-paru bapa mentuanya itu dijangkiti kuman.

"Saya bersama isteri bercadang untuk pulang melawat Allahyarham hari ini kerana mendapat tahu keadaannya semakin kritikal tetapi tidak kesampaian apabila beliau meninggal dunia pagi ini," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Azmi berkata, beliau mengu-

capkan terima kasih kepada doktor dan jururawat yang bertungkus lumus memberi rawatan kepada arwah bapa mertuanya sepanjang berada di hospital.

Dalam pada itu Normala berkata, ayahnya berhasrat menunaikan haji tahun ini tetapi tidak kesampaian apabila beliau diserang angin ahmar.

Menurutnya, beliau bersama suami beberapa kali melawat bapanya semasa dia dirawat di hospital.

Kali terakhir beliau bertemu dengan bapanya ialah pada 18 Ogos lalu dalam keadaan sihat dan arwah teruja untuk bertemu kesemua anak-anaknya.

"Ketika itu, bapa baru dibawa keluar dari Unit Rawatan Rapi (ICU) dan dipindahkan ke HDU.

"Pada masa itu bapa tidak boleh bercakap hanya mengganggu kepala apabila kami berbual dengannya," kata beliau.



NORMALA Samsudin menyiram air di pusara ayahnya sambil diperhatikan oleh Azmi Khalid di tanah perkuburan di Felda Bukit Aping Timur, Kota Tinggi, Johor, semalam.